

Berhenti serang Afghanistan — PM

UM 28 OCT 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa Amerika Syarikat (AS) supaya menghentikan segera serangan ke atas Afghanistan tanpa mengira sama ada ia diadakan pada bulan Ramadan ataupun sebaliknya.

Tegas Perdana Menteri, ini kerana pengeboman ke atas negara itu hanya akan mengakibatkan lebih ramai orang awam yang terkorban.

“Pendirian kita sama saja. Daripada dulu, kita kata pelancaran serangan bom roket tetap akan mencederakan dan membunuh lebih ramai orang awam daripada sasarannya terdiri daripada tentera Taliban dan kumpulan Al-Qaeda sendiri.

“Pengeboman itu mesti dihentikan dengan segera kerana tiada apa yang tercapai sehingga kini,” katanya pada sidang akhbar se kembalinya dari luar negara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang di sini hari ini.

Dr. Mahathir singgah di Korea Selatan dalam perjalanan pulang

setelah menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai, China minggu lalu.

Beliau mengulas pendirian Malaysia sama ada AS wajar menghentikan serangan ke atas Afghanistan pada bulan Ramadan yang akan disambut oleh umat Islam di seluruh dunia pada pertengahan bulan depan.

Baru-baru ini, umat Islam di seluruh Asia memberi amaran keras bahawa serangan AS di Afghanistan ketika Ramadan akan mencetuskan bantahan besar dan ganas di kalangan berbilion orang Islam di seluruh dunia.

Kemungkinan AS meneruskan serangan di bulan Ramadan telah dikuatkan dengan kenyataan Pengerusi Ketua Turus Bersama Tenteranya, Jeneral Richard Myers bahawa Washington tidak merasakan tekanan di segi masa untuk mengurangkan serangannya.

Kenyataan Myers turut disokong oleh Setiausaha Negara AS, Colin Powell yang menegaskan bahawa sebarang keputusan me-

ngenai sama ada serangan itu akan diteruskan ketika Ramadan akan bergantung kepada sebab-sebab ketenteraan dan bukannya diplomatik.

Menurut Dr. Mahathir, sentimen Malaysia itu turut dikongsi negara-negara lain seperti Rusia yang berpendapat usaha-usaha diplomatik perlu digerakkan untuk menyelesaikan konflik di Afghanistan.

“Setakat yang saya tahu belum ada satu pun laporan yang dapat disahkan mengenai anggota Al-Qaeda yang terbunuh ekoran serangan itu,” katanya.

Dr. Mahathir turut mengulangi pendirian Malaysia bahawa tindakan mengebom Afghanistan bukan cara untuk mengatasi masalah pengganas.

Sebaliknya, tegas beliau, cara yang terbaik ialah mengenal pasti punca di sebalik keganasan ini.

Ancaman musim sejuk dan kedatangan Ramadan pada 17 November ini telah meningkatkan lagi bantahan negara-negara Islam terhadap serangan AS di Afghanistan.